

17 NOV 1999

Koh-Media

KOH MINTA MEDIA MASSA HENTIKAN BERITA SPEKULASI

PULAU PINANG, 17 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini meminta media massa supaya menghentikan pelbagai berita spekulasi mengenai senarai calon parti Gerakan yang dijangka bertanding pada pilihan raya umum ini.

Beliau berkata, spekulasi yang dibuat dengan sekadar memetik jurucakap atau sumber berita itu perlu dielak dan tidak dimainkan sesuka hati oleh media massa.

"Parti Gerakan biasanya membuat kenyataan mengenai keputusan akhir senarai calon dua atau tiga hari sebelum hari pencalonan. Harap media massa bersabar dan jangan terlalu ghairah dalam membuat laporan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan ulangtahun ke-30 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini hari ini.

Koh, yang juga Pengerusi Gerakan negeri, berkata media massa yang membuat pelbagai spekulasi mengenai perkara itu tidak pernah merujuk terlebih dahulu kepada beliau atau Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Katanya, jurucakap atau sumber berita itu mungkin tidak memberikan gambaran yang tepat atau memberikan fakta yang tidak betul sama sekali.

"Sehingga ini, empat calon diramalkan akan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Bungah bagi menentang saya dan sekiranya spekulasi ini berterusan, mungkin ramai lagi yang diramal akan menandingi saya," kata beliau.

Beliau berkata, Dr Lim kini masih berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai senarai calon parti itu dan akan mengumumkannya sedikit masa lagi.

-- BERNAMA

SA AKD